

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTM
Y.BHG. PROF. DATO' IR. DR. ZAINI BIN UJANG
DI MAJLIS PENYAMPAIAN IJAZAH/DIPLOMA UTM BAGI GRADUAN
PROGRAM KERJASAMA 2009 (SESI KEDUA)
PADA 21 NOVEMBER, 2009
DI DEWAN SULTAN ISKANDAR,
UTM SKUDAI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
وعلى آله وصحبه أجمعين.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Dan salam sejahtera

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Hj. Azman Zaini bin Abdul Ghanie, Pengerusi
Eksekutif, Kolej Shahputra,**

Dr. Dayang Aminah binti Ali, Ketua Eksekutif, Kolej Yayasan Sabah,

**Dr. Saari Md. Nooh, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Teknologi
Perindustrian YPJ,**

**Dr. Abdullah Sudin bin Abd. Rahman, Ketua Eksekutif, Kolej Teknologi Darul
Naim,**

Wakil-Wakil Rektor dan Pengarah Eksekutif Kolej-Kolej Kerjasama Universiti Teknologi Malaysia,

Pegawai Kanan Universiti,

Ahli Senat,

Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, ibu bapa, para graduan serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, dapat kita berada dalam Majlis Penyampaian Program Kerjasama Universiti Teknologi Malaysia 2009.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua dif-dif kehormat, para tetamu dan ibu bapa sekalian ke majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan program kerjasama UTM yang telah berjaya menyempurnakan pengajian mereka di peringkat Diploma dalam pelbagai jurusan ilmu.

Walaupun saudara dan saudari tidak mengikuti pengajian di kampus sebenar, pihak UTM sentiasa bekerjasama dengan pihak Kolej yang melaksanakan program secara komprehensif untuk memastikan kualiti program yang saudara dan saudari ikuti mencapai tahap tinggi sepertimana yang disasarkan.

Pada hari yang bersejarah ini, saudara-saudari diberi penghormatan naik ke pentas menerima diploma masing-masing, sebagai tanda kejayaan menamatkan pengajian. Kegembiraan ini pastinya dikongsi bersama ibu bapa, saudara-mara dan rakan taulan yang selama ini turut memberi sokongan dan dorongan. Justeru, saya mengucapkan tahniah kepada para ibu bapa yang sentiasa peka tentang kemajuan pendidikan kepada anak-anak mereka.

Di sini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kolej-Kolej Kerjasama UTM atas kejayaan melahirkan graduan dengan program-program yang ditawarkan oleh UTM. Pada tahun ini, melalui Program Kerjasama yang dijalankan seramai 1,647 graduan dalam pelbagai bidang telah berjaya dilahirkan. Sehingga hari ini UTM telah melahirkan seramai 17,337 graduan melalui 27 kolej kerjasama. UTM juga mengalu-alukan kolej baru yang pertama kali melahirkan graduan pada tahun 2009 iaitu Kolej Teknologi Bestari.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagai sebuah universiti perdana di negara yang berteraskan sains dan teknologi, UTM sentiasa meletakkan kecemerlangan sebagai tanda aras dalam apa juga inisiatif yang dilaksanakan. Ini adalah iltizam kami untuk menjadi sebuah universiti terbaik di rantau ini.

Bagi meletakkan institusi ini antara yang terbaik di rantau ini, UTM telah melaksanakan transformasi yang melibatkan semua peringkat di universiti ini melalui penetapan strategi yang lebih fokus dan menyeluruh. Melalui objektif yang jelas seluruh sumber universiti telah digerakkan untuk matlamat yang sama.

Usaha-usaha menyeluruh ini adalah meliputi aspek kualiti program dan perkhidmatan, penyelidikan dan pembangunan, penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi peringkat antarabangsa, hubungan dengan industri, pengiktirafan badan profesional luar negara, kebolehpasaran graduan di pasaran global, peningkatan dalam hubungan dan kerjasama dengan institusi ternama di luar negara.

Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh UTM ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Hasil usaha kepimpinan UTM selama ini kita telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada pelbagai sektor dan kategori. Penyelidik UTM sebagai contoh menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pada Oktober lalu sebagai contoh lagi, UTM telah melakar sejarah apabila dua orang staf Universiti telah menerima anugerah paling berprestij negara yang kriterianya diambil berasaskan Hadiah Nobel iaitu Anugerah Merdeka. Anugerah berkenaan adalah bagi kategori Pencapaian Ulung Akademik dan Kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi.

Selain itu, UTM dalam tempoh tiga tahun ini telah menerima dua kali anugerah Harta Intelek Negara dalam kategori organisasi. Kami merupakan penyumbang utama dalam Harta Intelek Negara di negara ini dalam bentuk patent dan copy right seumpamanya.

Anugerah ini meletakkan UTM di kedudukan paling tinggi di antara semua agensi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi di negara ini bagi pengurusan harta intelek.

Universiti juga telah mempergiatkan usaha bagi menjalin kerjasama dan hubungan dengan industri, Kerjasama melalui penyelidikan, latihan industri, attachment dan maklum balas industri terhadap program-program UTM bagi menjadikan program UTM relevan dan menepati kehendak pasaran. Kita bekerjasama erat dengan Petronas, Air Asia, Intel, Shell, Exxon Mobil, Felda, Proton dan agensi-agensi yang berasaskan sains dan teknologi termasuklah Institut Kimia Malaysia, MIMOS, Biotech Coporation dan lain-lain.

Kepakaran UTM dalam menerajui bidang kejuruteraan, sains dan teknologi turut diiktiraf oleh Kementerian. Pihak Kementerian telah memberi kepercayaan kepada UTM untuk berperanan sebagai penggerak utama dalam penubuhan Universiti dan Kolej Universiti baru khususnya yang berasaskan sains dan teknologi. Ramai tenaga pakar UTM yang telah terlibat malah sebahagiannya telah dipinjamkan bagi menerajui dan merealisasikan penubuhannya.

Pada Ogos lalu, UTM telah muncul sebagai universiti terbaik di negara ini dan tempat ke-10 di kalangan universiti di Asia Tenggara dalam penarafan Webometric. Pencapaian membanggakan ini merupakan hasil inisiatif universiti terhadap program pengantarabangsaan melalui penstrukturkan semula web UTM, pengkayaan maklumat dalam laman web universiti serta pengwujudan media sosial UTM.

Selain itu keputusan Times Higher Education Supplement (THES)-QS World University Rankings pada awal Oktober juga menyaksikan UTM telah melonjak naik 36 tangga daripada 356 kepada 320 Universiti terbaik di kalangan 30,000 universiti di dunia. Pencapaian ini meletakkan UTM di tempat ke-4 terbaik di kalangan IPTA di Malaysia. Keputusan membanggakan ini merupakan hasil kerja keras semua.

Universiti juga sentiasa berusaha untuk memastikan graduan yang dikeluarkan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi walaupun dengan keadaan ekonomi yang agak suram ketika ini. Hasil Kajian pengesanan graduan menunjukkan secara purata graduan UTM yang mendapat pekerjaan selepas 3 bulan bergraduan adalah tinggi.

UTM cukup yakin hasil pembelajaran dan kurikulum yang mantap ini telah meletakkan graduan UTM mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Peratus graduan UTM yang telah berjaya bekerja di syarikat-syarikat multinasional seperti Schlumberger, Shell, Petronas, Exxon Mobil, Intel di dalam dan di luar negara meningkat setiap tahun.

Universiti sedang berusaha untuk melonjak setangga lagi dengan menyediakan ekosistem inovasi yang kondusif untuk membolehkan graduan menubuhkan syarikat yang berasaskan teknologi ketika berada di Universiti. Usaha ini adalah selaras dengan dasar baru kerajaan pimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak untuk mempertingkatkan ekonomi, inovasi dan kreativiti berteraskan nilai tinggi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bagi meletakkan Universiti di arena antarabangsa, UTM telah menyediakan kerangka kukuh untuk memperhebat program pengantarabangsaan ke arah yang lebih strategik. Program yang dirangka adalah melibatkan kolaborasi antarabangsa, mobiliti mahasiswa dan anjakan paradigma dalam pengurusan.

UTM sehingga kini telah menjalin kerjasama dengan lebih 35 universiti dan organisasi luar negara melalui pemeterian pelbagai rangka kerjasama akademik. Bagi memastikan program-program UTM berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, UTM telah mendapatkan pengiktirafan dan menjadi ahli kepada 9 persatuan dan badan professional di peringkat antarabangsa. Antaranya ialah International Assoc. of universities (IAU), Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW), American Society for Engineering Education (ASEE), European Association for International Education (EAIE) dan sebagainya.

Usaha bagi mempergiat lebih banyak program dilaksanakan di peringkat antarabangsa turut dilaksanakan. Pada Mac lalu UTM buat julung kalinya telah berjaya mengadakan University Presidents Forum 2009. Forum ini berjaya membawa 20 president universiti luar negara untuk hadir. Pada tahun hadapan Universiti turut merancang untuk mengadakan International Student Conference yang dijangka pada Februari dan University Social Responsibility International Forum pada Oktober tahun hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Inisiatif yang dilaksanakan ini telah menyediakan iklim antarabangsa dalam suasana pembelajaran di UTM. Sehingga kini seramai lebih 2,462 orang mahasiswa antarabangsa daripada lebih 48 negara mengikuti pengajian di UTM. Jumlah yang paling ramai adalah mahasiswa daripada Timur Tengah, Indonesia dan Negara China.

UTM dari masa ke semasa sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan fizikal mahasiswa melalui penaiktarafan asrama, kemudahan beriadah, kafetaria dalam usaha menyediakan prasarana kondusif dalam pembelajaran dan pengajaran. UTM turut giat untuk mengambil staf akademik luar negara dalam usaha untuk menarik lebih ramai mahasiswa luar negara melanjutkan pengajian di UTM di samping mewujudkan percampuran budaya yang merentasi sempadan. Sehingga kini UTM mempunyai seramai 67 orang staf akademik luar negara dan lebih 150 staf akademik pelawat dari pelbagai negara dan universiti ternama seperti Harvard, Imperial College of London, Cambridge, Oxford, Kyoto dan sebagainya.

Menyedari keperluan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa kita terhadap persekitaran global, "Global Outreach Program" telah dilaksanakan. Program yang berupa aktiviti penghantaran mahasiswa ke luar negara melalui program pertukaran mahasiswa, menjalani latihan praktikal keluar negara dan sebagainya. Ia merupakan mekanisme pembangunan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa terhadap isu-isu yang merentasi sempadan. Sehingga kini seramai 1,143 orang telah berjaya mengikuti program ini dan dijangkakan seramai 5,000 lagi akan mengikuti program tersebut pada tahun hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Universiti tidak boleh dipisahkan dengan perkembangan ilmu. Konsep ilmu itu pula tidak terhad kepada pengetahuan, maklumat, kemahiran, fakta atau data semata-mata. Oleh itu untuk mewujudkan sebuah budaya atau masyarakat berilmu, ilmu perlu diamalkan secara tulus dan komited.

Justeru itu, saya mengajak semua warga kolej kerjasama UTM dan graduan kerjasama UTM untuk sama-sama memahami kepentingan budaya ilmu. Perlu diakui bahawa dalam era k-Ekonomi atau ekonomi berasaskan pengetahuan ini, kita perlu sentiasa menggunakan peluang di sekitar kita untuk terus memajukan diri.

Saya berharap, saudara dan saudari tidak leka dengan pencapaian semasa, tetapi sebaliknya terus berusaha untuk menggarap ilmu sama ada menerusi pendidikan formal, informal atau non-formal. Percayalah pencapaian akademik mempunyai hubungan terhadap nilai kemanusiaan khususnya dalam menghadapi cabaran kehidupan yang lebih besar pada masa depan.

Akhir kata, saya bagi pihak Universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih semua barisan Lembaga Pengarah, para pensyarah dan staf Pusat Kerjasama UTM di atas segala sokongan dan kerjasama dalam membawa UTM mendepani pelbagai cabaran menuju ke arah kecemerlangan.

Mudah-mudahan kerjasama ini bukan setakat berorientasikan keuntungan material semata-mata bahkan ke arah kerjasama untuk memartabatkan ilmu dan membina masa depan anak bangsa.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيقُ والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.